



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 MAC 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

31 MAC 2022 (KHAMIS)

Program Jualan Keluarga Malaysia dilanjutkan sehingga Jun

PUTRAJAYA - Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang berakhir pada Khamis ini dilanjutkan sehingga Jun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia susulan maklum balas diterima orang ramai yang meminta ia diteruskan secara berkala.

"Oleh itu KPDNHEP telah mendapat kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk meneruskan PJKM sehingga Jun," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, format PJKM akan disesuaikan mengikut lokasi, bilangan penduduk dan keberadaan serta keupayaan rakan strategik di sesebuah lokasi.

"Rakan-rakan strategik yang telah menyokong dan menyertai PJKM termasuklah agensi-agensi dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kementerian Kewangan (MoF) dan pemain industri sektor peruncitan seperti pasar raya besar dan pasar raya setempat," jelasnya.

Beliau berkata, sejak PJKM dilancarkan pada 2 Disember tahun lalu, ia merekod jualan sebanyak RM38.099 juta.

"Program ini juga telah dilaksanakan di 100 peratus kawasan Parlimen di seluruh Malaysia meliputi 1,274 lokasi di seluruh negara," ujarnya.

Alexander berkata, inisiatif itu menerima sambutan sangat menggalakkan dengan menawarkan harga barangan murah sehingga 20 peratus daripada pasaran setempat.



ALEXANDER



PROGRAM Jualan Keluarga Malaysia yang diadakan di Kuala Terengganu pada Februari lalu.

KPDNHEP teruskan program di 1,274 lokasi

Jualan Keluarga Malaysia sampai Jun

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang sepatutnya berakhir semalam akan diteruskan sehingga Jun depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexahder Nanta Linggi berkata, program itu akan diteruskan secara berkala dengan disesuaikan mengikut lokasi, bilangan penduduk dan keperluan rakan strategik.

Beliau berkata, sejak dilancarkan pada 2 Disember tahun lalu, PJKM telah menjangkau 100

peratus kawasan parlimen di seluruh Malaysia.

"PJKM sudah dilaksanakan di semua 222 kawasan parlimen termasuk Parlimen pembangkang dengan jumlah program melebihi 1,274 lokasi.

"Lebih dua juta pengunjung membanjiri PJKM yang disokong oleh 202 rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan dan pemain industri sektor peruncitan dengan rekod jualan mencecah RM38 juta," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah Alexander, PJKM yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 2 Disember 2021 adalah salah satu usaha kerajaan

membantu meringankan beban kos sara hidup.

Ujarnya, pihaknya menggalakkan rakyat untuk membeli barang keperluan rumah yang ditawarkan di PJKM seperti ayam, makanan laut, sayur-sayuran, minyak masak dan sebagainya.

Menurutnya, PJKM mendapat maklum balas baik daripada rakyat memandangkan barang-barang yang ditawarkan adalah 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat.

"Kami ingin merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan strategik PJKM seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan ramai lagi," ujarnya.

Keluarga Malaysia Sales extended

PUTRAJAYA: The Keluarga Malaysia Sales Programme, initially scheduled to end today, has been extended to June following good response from the public, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

He said his ministry had obtained Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob's approval to extend the programme following positive feedback from the public, who wanted it to be continued.

"The format will be adjusted according to location, population and the presence and capabilities of strategic partners," said Nanta in a statement yesterday.

Ismail Sabri launched the programme on Dec 2 to give Malaysians the opportunity to get daily necessities at lower prices.

Household requirements such as chicken, seafood, vegetables, cooking oil, sugar, flour and rice are offered at prices up to 20% cheaper than local market prices.

Nanta said sales were held in all 222 parliamentary constituencies, and recorded 2.02 million visitors, with a combined sales value of RM38 million, Bernama reported.

He added that it had the support of 202 strategic partners, including the Agriculture and Food Industry Ministry, Finance Ministry as well as retail industry players.